

PENILAIAN TERHADAP PELAKSANAAN PEMBELAJARAN KOLABORATIF DALAM PENGAJARAN PENDIDIKAN ISLAM

Sukreni Ismail

Maktab Perguruan Persekutuan Pulau Pinang (MPPPP)

Mohd Isha Awang

Universiti Utara Malaysia (UUM)

ABSTRAK

Kertas kerja ini bertujuan menilai pelaksanaan pendekatan pembelajaran kolaboratif dalam pengajaran Pendidikan Islam di sekolah menengah kebangsaan. Perbincangan juga akan menyentuh tentang pandangan guru terhadap pendekatan ini dalam bilik darjah serta masalah yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan pengajaran menggunakan pendekatan tersebut. Kajian berbentuk tinjauan ini melibatkan guru Pendidikan Islam di sebuah daerah di negeri Kedah. Dapatan kajian menunjukkan pendekatan kolaboratif ini sentiasa diamalkan oleh guru semasa mengajar dalam bilik darjah. Di samping itu terdapat juga beberapa masalah yang dihadapi oleh guru semasa mengajar menggunakan pendekatan ini.

Pengenalan

Pendidikan Islam telah wujud di dunia semenjak Islam bertapak di muka bumi ini dengan terutusnya Nabi Adam a.s sebagai khalifah Allah yang pertama dari kalangan manusia. Seterusnya Islam itu terus diwarisi dari satu generasi kepada satu generasi sehinggalah pimpinan Rasulullah terakhir, junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. Islam membawa mesej tertentu yang antaranya ialah menyatupadukan masyarakat Islam sebagai ummah dan menyediakan mereka untuk menyebarkan ajaran Islam.

Pendidikan dalam konteks Islam bukan hanya sekadar suatu proses penyebaran ilmu, pengagihan maklumat dan perkongsian kemahiran dari seorang individu kepada seorang individu. Tetapi mencakupi proses bagaimana dengan ilmu, maklumat dan kemahiran yang diperolehi dapat merubahkan diri seseorang insan. Perubahan itu termasuklah dari aspek kognitif, afektif dan psikomotor. Justeru, seseorang guru perlu mahir dalam mengendalikan sesi pengajaran agar ilmu atau maklumat itu dapat disampaikan dengan jelas dan berkesan. Dalam Islam, penekanan terhadap nilai-nilai kerjasama atau kolaboratif dan koperatif turut diberikan perhatian.

Penyataan Masalah

Kebelakangan ini, isu kemerosotan pelajar dalam menguasai mata pelajaran Pendidikan Islam sama ada dari aspek pencapaian dalam peperiksaan mahupun

penampilan sakhsiah peribadi dalam kehidupan harian sering menjadi bualan. Keadaan ini mungkin berpunca daripada corak pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan di sekolah-sekolah. Ini disebabkan masih terdapat sebilangan guru Pendidikan Islam yang menggunakan kaedah tradisonal, iaitu kapur dan papan hitam (*chalk and talk*) dalam proses pengajaran pembelajaran meskipun mereka telah mendapat pelbagai latihan yang mencukupi dari semasa ke semasa bagi tentang kaedah dan pendekatan yang terkini yang boleh diterapkan dalam bilik darjah. (Yusup, 2001).

Pembelajaran kolaboratif bukanlah suatu pendekatan pengajaran yang baharu dalam budaya masyarakat kita Malaysia. Semangat kerjasama dan sikap bergotong royong yang menjadi amalan zaman berzaman sudah sekian lama diamalkan. Keadaan ini memudahkan ia dapat diterapkan dalam amalan pengajaran dalam bilik darjah. Ini ditambah pula dengan saranan Kementerian Pelajaran Malaysia yang ingin menerapkan nilai-nilai murni kepada pelajar melalui semua mata pelajaran menerusi aktiviti yang dijalankan seperti aktiviti berkumpulan.

Melihat kepada keperluan penerapan kolaboratif dalam pengajaran pembelajaran, maka keperluan kajian yang berkaitan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam adalah wajar dijalankan bagi melihat pelaksanaan pengajaran dan masalah yang dihadapi oleh guru dalam mengendalikan sesi pengajaran dan pembelajaran menggunakan pendekatan berkenaan.

Pendekatan Kolaboratif Dalam Pengajaran dan Pembelajaran

Falsafah Pendidikan Islam adalah satu usaha berterusan dalam menyampaikan ilmu, kemahiran, dan penghayatan Islam berdasarkan Al-Quran dan al-Sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggung jawab untuk membangun diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan di akhirat.

Matlamat Pendidikan Islam adalah untuk melahirkan insan yang berilmu, beriman,, berketrampilan, beramal soleh dan berakhlak mulia berdasarkan petunjuk Al-Quran dan Sunnah Rasulullah. Antara lain falsafah dan matlamat yang digariskan dalam kurikulum KBSM seperti berikut:

- i. memperkukuhkan kemahiran membaca, memahami, menghafaz dan menghayati Al-Quran yang diperolehi pada peringkat sekolah rendah;
- ii. Memahami konsep ibadat, memperkukuhkan dan mempertingkatkan amalan ibadat solat dan ibadat lain yang diperolehi pada peringkat sekolah rendah;
- iii. Membina keperibadian serta mengamalkan akhlak mulia dengan memahami dan menghayati kandungan hadith-hadith Rasulullah S.A.W., mengambil pengajaran serta meneladani sirah Junjungan Besar S.A.W, para sahabat dan Tamadun Islam;
- iv. Memperkukuhkan pegangan akidah Islamiah dan mengaitkan konsep tauhid dalam keseluruhan aspek kehidupan serta menghayati Islam sebagai satu cara hidup yang menyeluruh.

Pembelajaran kolaboratif telah diperkenalkan dengan pelbagai cara dalam pelbagai aspek yang berbeza dalam pendidikan. Oleh itu, amat penting bagi kita meninjau istilah dan konsepnya terlebih dahulu. Menurut Whipple (Dipetik daripada Kimber, 1994) menyatakan bahawa pembelajaran kolaboratif adalah corak pedagogi yang

menekankan usaha bersama di kalangan pelajar-pelajar, fakulti dan pentadbir. Ia menekankan konsep *inquiry* sebagai asas proses pembelajaran.

Kaedah ini mula digunakan dalam pembelajaran falsafah di sekolah di Greek dan Roman (Kimber, 1994). Ia digunakan dalam falsafah Socrates ketika kaedah wacana di kalangan pelajar mula diberikan penekanan. Begitu juga apabila pelajar mula digalakkan untuk bertanya ketika pembelajaran falsafah berlangsung. Kedah ini mula digunakan dengan ketara pada lewat abad ke-17 dan awal abad ke-18 di Eropah dan England. Pada permulaan era baru selepas revolusi perindustrian di Eropah, kebanyakan sekolah menghadapi masalah kekurangan guru terlatih. Melalui kaedah *monitorial system*, seorang pelajar dilantik sebagai ketua yang akan mengajar pelajar-pelajar yang lebih muda atau pelajar yang kurang berkebolehan daripadanya. Keadaan ini mewujudkan interaksi pelajar dua hala dengan lebih ketara melalui kolaboratif dan sistem monitor ini.

Dalam model pembelajaran kolaboratif yang dikemukakan oleh Ried (1989), terdapat lima (5) fasa untuk membentuk instruksi bagi pembelajaran kolaboratif, iaitu penglibatan, eksplorasi, transformasi, persembahan dan refleksi. Pada fasa penglibatan, guru menyiapkan kelas dengan aktiviti kolaboratif seperti mengarahkan pelajar membaca dan menyemak serta memeriksa jenis bahasa pujukan yang ditemui dalam karya seperti iklan, brosur dan papan tanda. Aktiviti tersebut membolehkan pelajar-pelajar menganalisis strategi-strategi yang digunakan oleh pengiklan untuk mempengaruhi potensi pembeli.

Fasa kedua, pelajar boleh melakukan penerokaan mencari idea dan maklumat. Guru perlu menetapkan berapa banyak input yang perlu diberi sebagai tugas belajar dan berapa banyak yang dapat meningkatkan kematangan pelajar tersebut. Bagi menggalakkan pergantungan para pelajar pada peringkat ini, guru boleh mengemukakan soalan kepada pelajar dalam kumpulan untuk mendemonstrasi pembelajaran mereka dengan menggunakan pelbagai kaedah maklum balas.

Fasa ketiga adalah transformasi atau perubahan pengetahuan. Di sini pelajar dalam kumpulan terikat dengan aktiviti untuk membentuk semula maklumat-maklumat dengan mengatur, menjelaskan, menghuraikan atau menghubungkan konsep-konsep pembelajaran. Dalam peringkat ini memerlukan pelajar-pelajar berbincang dan menyumbangkan idea dalam kumpulan.

Pada pada fasa keempat, pelajar diberikan peluang untuk mempersembahkan perbincangan mereka kepada penonton dari kumpulan lain. Pada peringkat ini, harus dipastikan penonton memberikan maklum balas terhadap maklumat yang dijana oleh kumpulan pembentang.

Fasa terakhir ialah para pelajar memberikan analisis sesuatu yang telah mereka pelajari dengan mengenal pasti kekuatan dan kelemahan dalam proses pembelajaran yang telah dilalui oleh mereka dan mencari jalan untuk mereka memperbaiki pembelajaran mereka. Dalam hal ini guru akan bertindak sebagai pembimbing kepada pelajar mencari penyelesaian.

Keberkesanan aspek kolaboratif ini turut dibukti oleh syarikat Federal Express dan perusahaan penerbangan Boieng ketika melakukan penstrukturan semula agensi mereka. Setelah menerapkan pendekatan kolaboratif ini, ternyata syarikat Federal Express dapat meningkatkan 40% produktiviti perusahaannya. Begitu juga Boeing telah meningkat prestasinya sehingga 50% daripada sebelumnya (Lookatch,1996).

Melalui model kolaboratif ini, guru dapat membantu pelajar dalam melakukan sesuatu dengan berjaya sebagai satu kumpulan atau sebagai sebahagian anggota kumpulan. Di samping dapat mengembang ketrampilan dan meningkatkan kualiti kerja dalam kumpulan (Asrori, 2001). Tinjauan Cooper, Sanches, Prescott dan Lawrence (1988) (dipetik dari Gan Siow Lee dan Noran Fauziah, 1998) mendapati pembelajaran kolaboratif adalah lebih berkesan untuk meningkatkan pembelajaran dan pencapaian pelajar berbanding kaedah tradisional yang melibatkan prosedur tersendiri prosedur individu dan prosedur yang mengehandaki persaingan individu (Cooper & Boyd, 1994).

Johnson & Johnson (1992) yang mengkaji tentang keberkesanan pembelajaran kolaboratif dalam pengajaran mendapati pelajar yang belajar secara kolaboratif dan koperatif menunjukkan prestasi 2/3 sisihan piawai melebihi purata pelajar yang belajar sendiri dan dalam situasi persaingan. Menurut mereka, pelajar yang belajar secara kolaboratif dan koperatif dapat mengembangkan komitmen dan keperihatinan antara satu sama lain, tanpa mengira sikap dan tanggapan awal mereka antara satu sama lain. Iklim emosi yang positif ini dapat menambah kemahiran sosial yang berkaitan dengan sokongan sosial dan tanggungjawab interpersonal.

Kajian Slavin (1996) pula menemukan pembelajaran kolaboratif membawa kesan positif terhadap *self esteem* pelajar. Kajiannya juga mendapati bahawa teknik pembelajaran kolaboratif mempunyai kesan yang kuat dan berpanjangan terhadap perhubungan antara kaum dan bangsa sama ada kulit putih, hitam dan sebagainya di kalangan pelajar.

Di Malaysia, terdapat kajian yang dilakukan di kalangan pelajar yang berisiko dan tidak bermotivasi bagi meninjau tentang pendekatan pembelajaran kolaboratif berpusatkan komputer dan internet sama ada memberi pengaruh terhadap prestasi pelajar berkenaan. Sekolah yang dikaji mempunyai beberapa komputer dan pengaksesan yang terhad. Dalam kajian tersebut, pelajar berisiko diberikan peranan sebagai penyelidik teknologi maklumat. Mereka menemui maklumat yang diperlukan untuk projek dan membuat laporan kepada kumpulan mereka. Kajian tersebut menemukan bahawa kumpulan pelajar berisiko boleh menyumbang secara positif dalam kumpulan pembelajaran kolaboratif. Dengan demikian, ia dapat meningkatkan keyakinan diri (*self confidence*) mereka dan motivasi untuk belajar (Gan Siow Lee & Noran Fauziah, 1998).

Metodologi

Kajian ini berbentuk kajian tinjauan. Data dikumpul melalui soal selidik bagi mengetahui pelaksanaan pembelajaran kolaboratif dalam mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah menengah kebangsaan. Populasi terdiri daripada guru-guru Pendidikan Islam di Langkawi, Kedah yang mengajar Tingkatan 1 sehingga Tingkatan 5 iaitu seramai 36 orang. Instrumen soal selidik yang digunakan menyentuh aspek jantina, pengalaman, persepsi guru dan pelaksanaan pembelajaran kolaboratif dalam bilik darjah serta masalah guru dalam menerapkan pendekatan ini.

Dapatan

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, semua responden yang terdiri sama ada guru lelaki seramai 9 orang atau guru perempuan seramai 27 orang mengatakan pernah menggunakan pembelajaran kolaboratif dalam pengajaran pembelajaran di bilik darjah. Berikut adalah jadual pandangan guru-guru Pendidikan Islam terhadap Pembelajaran Kolaboratif.

Berdasarkan Jadual 1 di **Lampiran A**, didapati majoriti responden berpendapat mereka mendapat pendedahan yang cukup tentang pembelajaran kolaboratif. 52.8% (N=19) *bersetuju* mendapat pendedahan berbanding hanya 25.0% (N=9) dan 13.9% (N=5) yang mengatakan *tidak bersetuju* dan *amat tidak bersetuju*.

Dari segi pelaksanaan pendekatan kolaboratif memberikan masalah pula, dapatan menunjukkan 18 (50.0%) responden *bersetuju* diikuti 10 (25.0%) responden *tidak bersetuju*. Manakala masing-masing 4 (11.1%) responden yang berpendapat *sangat bersetuju* dan *sangat tidak bersetuju*.

Responden juga berpendapat pembelajaran kolaboratif dapat mengukuhkan perkembangan intelek pelajar. Kajian menunjukkan lebih 58% responden *bersetuju* dan 33.3% responden *amat bersetuju*. Berbanding *tidak bersetuju* hanya 8.3% (N=3).

Dari segi pembelajaran menggunakan pendekatan tradisional pula, hanya sebilangan kecil sahaja yang bersetuju bahawa pendekatan tradisi lebih memberikan kesan. Sebaliknya 61.1% (N=22) responden berpendapat *tidak bersetuju* bahawa pendekatan tradisi memberikan kesan lebih kepada pengajaran pembelajaran.

Bagi item 7 yang mengatakan pembelajaran kolaboratif sesuai dan berkesan dalam Pendidikan Islam, dapatan menunjukkan peratusan yang menggalakkan. Seramai 24 responden (66.7%) *bersetuju* dan 12 responden (33.3%) *sangat bersetuju*.

Dari segi, pelaksanaan pembelajaran kolaboratif pula, Jadual 2 di **Lampiran B** jelas menggambarkan kekerapan pembelajaran kolaboratif dalam Pendidikan Islam oleh responden. Berikut merupakan perkara utama yang didapati dalam kajian ini:

- Kekerapan responden untuk menilai dan membina ilmu pengetahuan, pengalaman personal, pembinaan bahan komunikasi, strategi dan konsep pengajaran pembelajaran berteraskan teori yang sesuai, menggabungkan keadaan sosiobudaya semasa pengajaran pembelajaran lebih bersifat *kadangkala* (N=16, 44.4%).
- Kekerapan responden berkongsi kuasa aotoriti dengan pelajar dalam beberapa keadaan tertentu lebih kepada *kadangkala* (N=24, 66.7%).
- Kekerapan responden menyediakan tugas Pendidikan Islam yang memberatkan kepada kegemaran pelajar dan menggalakkan pelajar menilai apa yang diajar bersifat *kadangkala* (N=17, 47.2%).
- Kekerapan responden mewujudkan persekitaran yang aktif dan kaya dengan idea baru, memberi aktiviti secara kolaboratif dan penyelesaian masalah dan menyediakan pelbagai tugas bermakna kepada masa depan pelajar bersifat *kadangkala* (N=18, 50.0%).
- Kekerapan responden mengadakan bilik darjah yang ditempatkan ruangan jurnal, majalah, buku rujukan, akhbar bagi memudahkan pelajar mendapatkan maklumat adalah bersifat *jarang-jarang* (N=19, 52.8%).

- f. Kekerapan responden memberikan peluang pelajar bertanya untuk penjelasan, menyumbangkan idea, menghargai pendapat yang berbeza termasuk membuat bantahan adalah *kerap* (N=13, 36.1%) dan *sangat kerap* (N=12, 33.3%).
- g. Kekerapan responden menjalankan aktiviti pengajaran pembelajaran melalui pembangunan kemahiran sosial dan kumpulan melalui pembinaan consensus secara bertolak ansur adalah *jarang-jarang* (N=12, 33.3%).
- h. Kekerapan responden berkongsi idea sesama mereka untuk menghasilkan satu pengajaran yang berkesan adalah *kerap* (N=13, 38.1%) dan *kadang-kadang* (N=11, 30.6%).
- i. Kekerapan responden memilih untuk melibatkan seluruh kelas dalam membincangkan idea pelajar yang menarik adalah *kerap* (N=13, 36.1%) dan *kadang-kadang* (N=11, 30.6%).
- j. Kekerapan responden menghubungkan pengetahuan baru dengan pengalaman sedia ada serta membimbing pelajar adalah *kadang-kadang* (N=17, 47.2%).
- k. Kekerapan responden berdiri atau duduk di meja guru semasa menyampaikan pengajaran adalah *jarang-jarang* (N=17, 47.2%) dan *tidak pernah* (N=14, 38.9%).
- l. Kekerapan responden mengutamakan penyelesaian tugas secara berkumpulan di kalangan pelajar adalah *kadang-kadang* (N=17, 47.2%).
- m. Kekerapan responden menggalakkan pelajar melibatkan aktiviti dalam kelas secara terbuka adalah *kadang-kadang* (N=18, 50.0%).
- n. Kekerapan responden menggunakan kemahiran kolaboratif menyampaikan terima kasih kepada pelajar yang membentangkan tugas adalah *kerap* (N=15, 41.7%).
- o. Kekerapan responden berkongsi bahan, sumber maklumat dengan pelajar bagi meningkatkan kejayaan semua pelajar dalam kumpulan secara menyeluruh adalah *kadang-kadang* (N=13, 36.1%) dan *kerap* (N=12, 33.3%).
- p. Kekerapan responden menggalakkan pelajar menghubungkaitkan kandungan pelajaran dengan pengalaman dalam mata pelajaran lain atau dalam kehidupan seharian *kadang-kadang* (N=14, 38.9%) dan *kerap* (N=12, 33.3%),
- q. Kekerapan responden mempertingkatkan kemahiran diri dengan belajar daripada rakan-rakan sebaya melalui perbincangan adalah *kadang-kadang* (N=18, 50.0%).
- r. Kekerapan responden berkomunikasi dengan pelajar dalam kelas yang sebagai tanda prihatin dan menghargai bakat, kebolehan dan kemahiran mereka adalah *kadang-kadang* (N=14, 38.9%), *kerap* (N=13, 36.1%) dan *tidak pernah* (N=9, 25.0%).
- s. Kekerapan responden mengarahkan pelajar anda berada dalam kumpulan kecil ketika pengajaran pembelajaran berlangsung adalah *kadang-kadang* (N=18, 50.0%).
- t. Kekerapan pelajar responden secara aktif menyelesaikan masalah dan selalu berbincang adalah *kadang-kadang* (N=16, 44.4%).

Dari segi masalah yang dihadapi oleh guru pula, penyelidik mendapati bahawa beberapa masalah yang sering dihadapi oleh guru dalam melaksanakan pembelajaran ini. Antara masalah utama yang sering dihadapi oleh guru ialah:

- a. Guru sendiri kurang mahir walaupun mendapat pendedahan tentang pembelajaran kolaboratif ini.

- b. Kekangan masa yang dihadapi untuk menjalankan aktiviti pembelajaran kolaboratif dalam bilik darjah semasa pengajaran berlangsung. Waktu pengajaran pembelajaran biasanya tidak mencukupi sehingga guru perlu mengadakan kelas tambahan bagi menghabiskan sukatan pelajaran. Lebih-lebih lagi bagi kelas yang bakal menghadapi peperiksaan.
- c. Pandangan sesetengah guru bahawa mereka tidak perlu bersusah payah memerah otak untuk mencari rangsangan dalam bilik darjah dalam menjalankan pembelajaran kolaboratif, justeru itu lebih baik mengamalkan pendekatan tradisi yang bercorak *chalk and talk*.
- d. Persoalan berapa besarkah kumpulan yang sesuai sering timbul dalam fikiran responden. Jika lebih kecil kumpulan akan memberikan peluang lebih kepada pelajar untuk berinteraksi dalam kumpulan dan kelas keadaan ini seterusnya memanjangkan masa perbincangan dan kelas.
- e. Guru juga tertanya-tanya dari segi peruntukan masa yang sesuai untuk melaksanakan pembelajaran kolaboratif. Sehingga kini tiada ada sesiapa yang mencadangkan pembelajaran sebegini secara langsung.

Perbincangan dan Rumusan

Daripada kajian jelas menunjukkan bahawa guru Pendidikan Islam di Langkawi pernah menggunakan pembelajaran kolaboratif dalam pengajaran bilik darjah mereka. Walau bagaimanapun tahap pelaksanaan menggunakan kaedah ini masih pada tahap sederhana. Ini kerana masih kurang guru yang menggunakan secara aktif. Kajian ini selaras dengan kajian Yusop Hashim (2001) yang menunjukkan ramai guru masih menggemari amalan tradisi yang berpaksikan *chalk and talk*. Guru-guru juga hanya menggunakan pembelajaran ini dalam sesetengah pengajaran mereka walaupun tidak sepenuhnya. Namun apa yang menarik ialah mereka tetap mengakui dan bersetuju dengan keberkesanan dan kebaikan pembelajaran kolaboratif dalam membentuk interaksi sosial, sifat kepimpinan pelajar dan pengurusan yang sangat diperlukan pelajar.

Dalam menjelaskan tentang amalan kolaboratif dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam, guru perlu menyediakan tugas mengikut minat pelajar dan memberikan peluang kepada pelajar untuk menilai apa yang diajar oleh guru. Ini selaras dengan pandangan Vygotsky (1978) yang berpendapat perlu menghubungkan pembelajaran sekolah dengan kehidupan harian. Malah kalau dilihat secara umum, kebanyakan kandungan mata pelajaran Pendidikan Islam adalah berkaitan dengan amalan harian seseorang individu. Jika perkara ini dilakukan secara kolaboratif melalui aktiviti yang teratur akan membolehkan pelajar mudah menghayati kandungan pelajaran dengan baik.

Aktiviti kolaboratif yang biasa dilakukan oleh kebanyakan pelajar seperti dalam halaqah yang kecil ketika pengajaran pembelajaran berlangsung sama ada dalam bilik darjah mahupun di luar bilik darjah seperti fardhu `ain di surau. Di samping itu dapatan juga menunjukkan bahawa sememang pembelajaran kolaboratif memberikan kesan kepada pengajaran pembelajaran secara positif. Ini selaras dengan pandangan Slavin (1996). Guru pula semestinya bertindak sebagai pemudah cara dan pelajar diberi peluang untuk berperanan dalam bilik darjah. Guru-guru juga bersetuju agar

pembelajaran begini diterapkan dalam pengajaran pembelajaran dengan guru perlu menguasai kemahiran terlebih dahulu.

Kesimpulan

Kajian tentang pembelajaran kolaboratif dalam pengajaran dan pembelajaran ternyata dapat mendorong membina keyakinan dan pemikiran yang mendalam di kalangan pelajar. Ia juga mendorong pelajar untuk berdikari dan tidak bergantung sepenuhnya kepada guru semata-mata. Malah pembelajaran begini juga dapat memotivasikan pelajar untuk mendapatkan maklumat dengan lebih berkesan. Dengan itu para pendidik perlu memiliki kemahiran yang luas dalam mewujudkan persekitaran dan situasi yang memberangsangkan agar pengajaran dan pembelajaran berlangsung dengan harmonis.

Rujukan

- Abrami, P.C. (1995). *Classroom connection: Understanding and using cooperative learning*. Canada: Harcourt Brace & Company.
- Arends, R.I. (1998). *Learning to teach*. New York: McGraw-Hill
- Asrori, M. Dr. (2001). Collaborative teamwork learning : Suatu model pembelajaran untuk mengembangkan kemampuan mahasiswa bekerja secara kolaboratif dalam tim. Disertasi Magester. Universitas Tanjung Pura.
- Cohen, E.G. (1994). *Designing groupwork: Strategies for the heterogeneous classroom*. New York: Teachers College Press.
- Cooper, C & Boyd, J. (1994). *Collaborative approaches to profesional and reflection*. Launcheston, Tasmania: Global Learning.
- Dewey, J. (1938). *Experience and edication*. New York: MacMillan.
- Fishbough, M.S. (1997). *Models of collaboration*. US: Allyn and Bacon.
- Flynn, G. (1995). Smooth sailing fpr teamwork. *Personal Journal*, 74, (6).
- Johnson, D.W & Johnson, R.T. (1992). *Learning together and alone: Cooperative, competitive and individualistic learning*. 4th ed. Massachusetts: Allyn dan Bacon.
- Kamus Dewan. (2002). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kimber, D.(1994). Collaborative Learning in Management Education: Issues, Benefit, Problems, and Solution: A Literature Review. Kertas Kerja Seminar ANZAM (Australian & New Zealand Academy & Management), New Zealand.
- Lookatch, R.P. (1996). Collaborative Learning And Multimedia: Are Two Heads Still Better Than One?. *Techtrends*, 41, (4).
- Ng Kim Choy. (1999). *Perbezaan pembelajaran koperatif dan kolaboratif*. [Http://maktab.virtualaue.net](http://maktab.virtualaue.net). [24 Mei 2003].
- Omardin Ashaari. (1999). *Pengajaran kreatif untuk pembelajaran aktif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rashidi Azizan dan Abdul Razak Halib. (1996). *Pengajaran dalam bilik darjah: Kaedah dan strategi*. Kajang: Masa Enterprise.
- Slavin, R.E. (1996). *Cooperative learning ain middle and secondary school*. Clearinghouse, 69 (4), 200-204. [EJ530442]
- Tajul Arifin Noordin. (1990). *Pendidikan : Suatu pemikiran semula*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Vygotsky, L.S. (1978). *Mind in society*. (ed. Cole, M, Steiner, J.V, Scribner, S. and Souberman, E). Cambredge, MA: Havard University Press.
- Yusup Hashim. (2001). *Reka bentuk dan system instruksi*. Kuala Lumpur: Utusan Publications Sdn. Bhd.
- Zawawi Hj Ahmad. (1990). *Strategi pengajaran Pendidikan Islam KBSM*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.

Jadual 1: Pandangan Guru Terhadap Pembelajaran Kolaboratif

Bil.	Penyataan	Sangat Beretuju (%)	Bersetuju (%)	Tidak Bersetuju (%)	Sangat Tidak Bersetuju (%)
1	Anda pernah didedah secukupnya tentang pembelajaran kolaboratif	3 (8.3)	19 (52.8)	9 (25.0)	5 (13.9)
2	Pelaksanaan aktiviti kolaboratif mendatangkan masalah dari segi kekangan masa	4 (11.1)	18 (50.0)	10 (27.8)	4 (11.1)
3	Pembelajaran kolaboratif dapat mengukuh pertimbangan intelek	12 (33.3)	21 (58.3)	3 (8.3)	-
4	Kebanyakan persoalan yang timbul dalam kelas boleh dijawab	3 (8.3)	14 (38.9)	19 (52.8)	-
5	Pelajar yang memberikan reaksi yang berbeza dianggap sebagai pengganggu dalam bilik darjah.	1 (2.8)	6 (16.7)	17 (47.2)	5 (13.9)
6	Pengajaran menggunakan teknik atau pendekatan tradisional lebih berkesan dan sesuai dipraktikkan.	2 (5.6)	7 (19.4)	22 (61.1)	5 (13.9)
7	Aktiviti pembelajaran kolaboratif atau berkumpul sesuai dan berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam.	12 (33.3)	24 (66.7)	-	-
8	Pengajar memainkan peranan penting sebagai fasilitator, jurulatih, atau bidan dan buka <i>sage on the stage</i>	16 (44.4)	19 (52.8)	1 (2.8)	-
9	Pengajaran dan pembelajaran adalah pengalaman yang dikongsi antara pelajar dan guru.	18 (50.0)	18 (50.0)	-	-
10	Pembelajaran dalam bentuk aktif perlu sentiasa diberikan kepada pelajar berbanding dengan pembelajaran bentuk pasif dari guru.	19 (52.8)	16 (44.4)	1 (2.8)	-

Jadual 2: Pelaksanaan Pengajaran Kolaboratif Dalam Bilik Darjah

Bil.	Penyataan	Sangat Kerap (%)	Kerap (%)	Kadang- kala (%)	Jarang Jarang (%)	Tidak Pernah (%)
1	Anda menilai dan membina ilmu pengetahuan, pengalaman personal, pembinaan bahan komunikasi, strategi dan konsep pengajaran pembelajaran berteraskan teori yang sesuai, menggabungkan keadaan sosiobudaya semasa pengajaran pembelajaran.	1 (2.8)	12 (33.3)	16 (44.4)	7 (19.4)	-
2	Sebagai guru, anda berkongsi kuasa aotoriti dengan pelajar dalam beberapa keadaan tertentu.	1 (2.8)	6 (16.7)	24 (66.7)	5 (13.9)	-
3	Anda menyediakan tugas Pendidikan Islam yang memberatkan kepada kegemaran pelajar dan menggalakkan pelajar menilai apa yang diajar.	5 (3.9)	17 (47.2)	11 (30.6)	3 (8.3)	-
4	Anda mewujudkan persekitaran yang aktif dan kaya dengan idea baru, memberi aktiviti secara kolaboratif dan penyelesaian masalah dan menyediakan pelbagai tugas bermakna kepada masa depan pelajar.	3 (8.3)	5 (13.9)	18 50.0)	10 (27.8)	-
5	Bilik darjah anda ditempatkan ruangan jurnal, majalah, buku rujukan, akhbar bagi memudahkan pelajar mendapatkan maklumat.	2 (5.6)	2 (5.6)	3 (8.3)	19 (52.8)	10 (27.8)
6	Anda memberikan peluang bertanya untuk penjelasan, menyumbangkan idea, menghargai pendapat yang berbeza termasuk membuat bantahan.	12 (33.3)	13 (36.1)	9 (25.0)	2 (5.6)	-
7	Anda menjalankan aktiviti pengajaran pembelajaran melalui pembangunan kemahiran sosial dan kumpulan melalui pembinaan consensus secara bertolak ansur.	6 (16.7)	7 (19.4)	10 (27.8)	12 (33.3)	1 (2.8)

8	Guru Pendidikan Islam berkongsi idea sesama mereka untuk menghasilkan satu pengajaran yang berkesan.	9 (25.0)	13 (36.1)	11 (30.6)	8 (22.2)	-
9	Anda memilih untuk melibatkan seluruh kelas dalam membincangkan idea pelajar yang menarik.	4 (11.1)	13 (36.1)	11 (30.6)	8 (22.2)	-
10	Anda menghubungkan pengetahuan baru dengan pengalaman sedia ada serta membimbing pelajar	5 (13.9)	13 (36.1)	17 (47.2)	1 (2.8)	-
11	Semasa mengajar anda berdiri atau duduk di meja guru.	3 (8.3)	1 (2.8)	1 (2.8)	17 (47.2)	14 (38.9)
12	Anda mengutamakan penyelesaian tugas secara berkumpulan di kalangan pelajar.	-	8 (22.2)	17 (47.2)	11 (30.6)	-
13	Anda menggalakkan pelajar melibatkan aktiviti dalam kelas secara terbuka.	5 (13.9)	13 (36.1)	18 (50.0)	-	-
14	Anda menggunakan kemahiran kolaboratif menyampaikan terima kasih kepada pelajar yang membentangkan tugas.	5 (13.9)	15 (41.7)	13 (36.1)	3 (8.3)	-
15	Anda berkongsi bahan, sumber maklumat dengan pelajar bagi meningkatkan kejayaan semua pelajar dalam kumpulan secara menyeluruh.	8 (22.2)	12 (33.3)	13 (36.1)	3 (8.3)	-
16	Anda menggalakkan pelajar menghubungkan kandungan pelajaran dengan pengalaman dalam mata pelajaran lain atau dalam kehidupan seharian.	6 (16.7)	12 (33.3)	14 (38.9)	4 (11.1)	-
17	Anda mempertingkatkan kemahiran diri dengan belajar daripada rakan-rakan sebaya melalui perbincangan.	5 (13.9)	13 (36.1)	18 (50.0)	-	-
18	Anda berkomunikasi dengan pelajar dalam kelas yang sebagai tanda prihatin dan menghargai bakat, kebolehan dan kemahiran mereka.	9 (25.0)	13 (36.1)	14 (38.9)	-	-
19	Anda mengarahkan pelajar anda berada dalam kumpulan kecil ketika pengajaran pembelajaran	2 (5.6)	5 (13.9)	18 (50.0)	9 (25.0)	2 (5.6)

	berlangsung.					
20	Pelajar anda secara aktif menyelesaikan masalah dan selalu berbincang.	3 (8.3)	10 (27.8)	16 (44.4)	6 (16.7)	1 (2.8)
